

## Kuasa kayuhan wanita

**T**ANGAN yang menghayun buaian mampu mengoncang dunia menjadi pepatah kerana sejak dahulu lagi bagi mengiktiraf kemampuan kaum Hawa.

Malah, tidak keertialuan jika dikatakan keupayaan golongan tersebut dalam menguruskan sesuatu perkara kadangkala lebih baik berbanding lelaki.

Misalnya, program Konvoi Berbasikal Wanita 2017 yang berlangsung di Dataran Putrajaya baru-baru ini, mencatat sejarah tersendiri apabila menerima pengiktirafan *Malaysia Book of Records* (MBOR) sebagai acara kayuhan dengan penyertaan wanita teramai iaitu 11,412

peserta.

Semangat dan kuasa wanita untuk berhimpun bersama berjaya memperbaharui rekod terdahulu iaitu sebanyak 3,000 penyertaan.

Acara sempena sambutan Hari Wanita Antarabangsa itu disertai pelbagai bangsa dan peringkat usia dari dalam dan luar negara.

Program yang dianjurkan oleh Badan Amal Kasih Ibu dengan kerjasama Kementerian Wilayah Persekutuan; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; dan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan itu bagi menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan wanita melalui



aktiviti sukan berbasikal.

Pengerusi Badan Amal Kasih Ibu, **Datin Seri Anggraini Sentyaki** berkata, penganjuran program itu diharap dapat memupuk semangat kesukuan, mengeratkan silaturahmi serta suasana yang harmoni dan bersatu dalam kalangan wanita.

"Pada awalnya kami hanya menasaskan jumlah peserta sebanyak 3,000 sahaja namun amat mengejutkan apabila penyertaan yang diterima hampir empat kali ganda daripada sasaran asal.

"Acara ini bukan sahaja disertai wanita tempatan, bahkan mendapat sambutan dalam kalangan peserta luar negara seperti dari Australia, Indonesia, Thailand, dan Singapura," katanya.

Sementara itu, Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, **Datuk Mas Ermeyati Samsudin**, yang turut

Acara ini bukan sahaja disertai wanita tempatan, bahkan mendapat sambutan dalam kalangan peserta luar negara seperti dari Australia, Indonesia, Thailand, dan Singapura."

menyertai program tersebut berkata, acara itu benar-benar menterjemah keupayaan kaum itu apabila tampil menyahut cabaran mengayuh basikal sejauh 10 hingga 25 kilometer. Katanya, komitmen untuk berkumpul bersama pelbagai kaum, latar belakang dan fahaman politik jelas menunjukkan



**MAS ERMIEYATI SAMSUDIN** (tengah) dan **Anggraini Sentyaki** (kiri) turut menyertai kayuhan ketika Program Konvoi Berbasikal Wanita 2017 di Dataran Putrajaya baru-baru ini.

kebersamaan dan kuasa wanita.

Jelasnya, acara tersebut juga membuktikan bahawa negara berjaya mengekalkan keharmonian dan boleh mengadakan penganjuran secara besar-besaran tanpa rasa gusar tentang sebarang ancaman.

Program tersebut turut disertai barisan selebriti seperti Siti Nurhaliza, Farah Fauzana, Janna Nick, Vanidah Imran, Betty Benafe, Zahida Rafik, Sharifah Haslinda, Linda Onn dan ramai lagi.

Dalam pada itu, salah seorang peserta, **Nur Azfiza Mohd Azlan**, 36, yang pertama kali menyertai konvoi berbasikal berkata, acara seumpama itu secara tidak langsung memberi peluang kepadanya untuk melepaskan tekanan kerja dan perkara-perkara yang mengganggu fikiran.

"Aktiviti berbasikal membuatkan otak bekerja untuk fokus pada setiap kayuhan. Ini juga dapat mengurangkan tekanan pada bahagian lutut dan menguatkan kembali sistem ketahanan badan manusia.

"Saya berharap acara seperti ini dapat diadakan pada setiap bulan bagi menggalakkan wanita keluar untuk beriadah bersama teman-teman," katanya yang ditemani dua rakannya.

**Suriya Md Aris**, 37, pula berpendapat aktiviti tersebut juga memberi peluang kepada suri rumah melupakan sekejap tugas di rumah.

"Inilah masanya kaum ibu berehat sebentar untuk beriadah dan menyerahkan tanggungjawab kepada suami menjaga anak-anak," katanya. - **NURSYAMIMI SAIDI**



**SEBAHAGIAN** daripada lebih 11,000 wanita yang menyertai Konvoi Berbasikal Wanita 2017 bersedia untuk memulakan kayuhan masing-masing.